UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
اونيۏرسيتي ڤندidikan سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

IKLAN JAWATAN KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN PELAKSANA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ingin mempelawa calon di **kalangan Warganegara Malaysia** yang dinamik, inovatif dan bercita-cita tinggi untuk bersama-sama merealisasikan wawasan universiti sebagai Peneraju Kebitaraan Pendidikan di Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan di UPSI.

Senarai kekosongan jawatan adalah seperti berikut:-

BIL.	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JAWATAN	GRED	TARAF	BIDANG	KEKOSONGAN	TARIKH TUTUP
1.	Pengurusan dan Profesional	Pegawai Tadbir	N9	Tetap	Undang-Undang	1	2 Oktober 2026
2.	Pelaksana	Jurupulih Perubatan	U5	Kontrak	Cara Kerja	1	

PANDUAN PERMOHONAN

1. Pemohon perlu mendaftar dan mempunyai akaun dengan *Online Job Application UPSI (myjobs.upsi.edu.my).*

2. Untuk permohonan jawatan kali kedua dan seterusnya, pemohon tidak perlu mendaftar semula atau mewujudkan akaun baru, sebaliknya hanya perlu **mengemaskini profail** dan jawatan yang dipohon dalam akaun sedia ada.

3. Permohonan secara dalam talian perlu diisi dengan lengkap kerana permohonan akan diproses menggunakan permohonan dalam talian ini. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan tidak akan diproses.

4. Permohonan adalah terbatal sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar.

5. Selain daripada memenuhi syarat sepertimana yang ditetapkan dalam skim berkenaan, calon mestilah juga memenuhi syarat tambahan iaitu:
   5.1 bersih dan bebas dari sebarang tindakan tatatertib/perundangan;
   5.2 telah melengkapkan pengambilan **vaksinasi Covid-19** (sekurang-kurangnya 2 dos)

6. Pemohon perlu menyemak dari semasa ke semasa pengumuman yang dibuat di bahagian Semak Permohonan di myjobs.upsi.edu.my untuk mengetahui status terkini permohonan. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pemohon mendakwa tidak mengetahui mengenai status permohonannya disebabkan pemohon tidak menyemak status permohonan secara dalam talian di ruangan tersebut.

7. Pemohon diminta mengisi maklumat alamat emel yang aktif. Permohonan secara dalam talian ini akan menggunakan emel sebagai salah satu medium komunikasi antara pihak UPSI dan pemohon. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pihak pemohon tidak menerima makluman yang dihantar secara emel kepada pemohon yang disebabkan oleh pemohon tidak mengakses emelnya.

8. **Pemohon tidak boleh di kalangan pelajar yang sedang mengikuti program Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Master dan PhD (Pengajian Sepenuh Masa). Bagi pemohon yang telah habis belajar tetapi belum bergraduat, sila kemukakan salinan surat tamat pengajian.**

9. **Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.**

10. **Setiap permohonan jawatan dikenakan RM 10.00 bagi satu (1) jawatan.**

11. **Calon perlu memastikan maklumat didalam Myjobs adalah lengkap bagi memastikan permohonan dapat diproses selanjutnya.**

12. **Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dari UPSI dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**

13. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perjawatan, BSM

05-450 6399 / 6514 / 6339 / 6034 / 6509 / 6328 / 6342

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan jawatan yang diiklankan adalah pada **2 Oktober 2026 (Jumaat)**.

1. Pegawai Tadbir Gred N9 – Bidang Undang-Undang

1. (a) Jawatan : **Pegawai Tadbir**

   (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional

   (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan

2. Jadual Gaji :

Gred	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
N9	RM2,250.00	RM11,110.00	RM225.00

3. Elaun :

Gred	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH)
N9	RM300.00	RM300.00	RM150.00

4. Had Umur : Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

5. Taraf Jawatan : Tetap

6. Kewarganegaraan : Calon bagi lantikan hendaklah seorang warganegara Malaysia.

7. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,250.00); atau

   (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00).

8. Syarat Tambahan Lantikan : **Hanya calon yang mempunyai kelayakan dalam bidang Undang-Undang/Sijil Amalan/*Barrister-at-law-England/Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England/Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan dipertimbangkan.**

9. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

10. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Penghulu, Penolong Pegawai Tanah, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N5, N6, N7 atau N8 dan Pembantu Tadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah Gred NT5, NT6, NT7 atau NT8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N9, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

   (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 7(a); atau

   (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

11.	Penetapan Gaji Permulaan	:	Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
12.	Tempoh Percubaan	:	Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
13.	Latihan	:	Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
14.	Program Transformasi Minda/Peperiksaan	:	Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
15.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan	:	Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
16.	Pergerakan Gaji Tahunan	:	Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
17.	Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
18.	Keperluan Kompetensi Potensi	:	Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

2. Jurupulih Perubatan Gred U9 – Bidang Cara Kerja

1. (a) Jawatan : **Jurupulih Perubatan**

   (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

   (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perubatan dan Kesihatan

2. Jadual Gaji :

Gred	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
U5	RM1,650.00	RM6,620.00	RM145.00

3. Elaun :

Gred	Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH)
U5	RM160.00	RM300.00	RM200.00

4. Had Umur : Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

5. Taraf Jawatan : Kontrak

6. Kewarganegaraan : Calon bagi lantikan hendaklah seorang warganegara Malaysia.

7. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) (i) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,731.00); atau

   (ii) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,812.00).

   (iii) Diploma Fisioterapi, Diploma Pemulihan Cara Kerja atau Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred U5: RM1,974.00).

   Pemohon tidak boleh dikalangan pelajar yang sedang mengikuti program Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Master, PhD (Pengajian Sepenuh Masa). Bagi pemohon yang telah habis belajar tetapi belum bergraduat, sila kemukakan salinan surat tamat pengajian.

8. Syarat Tambahan Lantikan : **Hanya calon yang mempunyai kelayakan dalam bidang Diploma Pemulihan Cara Kerja yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan dipertimbangkan.**

9. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

12. Tempoh Lantikan : Tempoh pelantikan hendaklah sekurang-kurangnya satu (1) bulan hingga satu (1) tahun. Pelanjutan kontrak tertakluk kepada keperluan dan prestasi pegawai.

17.	Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.